

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada jaminan Kerajaan Pusat akan diberikan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung permohonan pinjaman atau menerbitkan bon bagi membiayai projek Aliran Transit Ringan (LRT) Komtar – Bayan Lepas. Jika tidak, perincikan sebabnya serta inisiatif Kerajaan Pusat bagi membantu merealisasikan projek ini demi kepentingan rakyat Pulau Pinang secara menyeluruh.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar semasa Kerajaan untuk memberi jaminan adalah secara terpilih. Sebarang pinjaman baharu dengan jaminan Kerajaan perlu diteliti sebaik mungkin kerana ianya akan meningkatkan contingent liability Kerajaan. Peningkatan contingent liability Kerajaan yang tidak dikawal boleh meningkatkan risiko fiskal dan menjejaskan penarafan kredit Malaysia yang diberikan oleh agensi penarafan antarabangsa. Oleh itu, adalah wajar bagi Kerajaan menghadkan exposure jaminan Kerajaan dengan menyusun semula projek mengikut keutamaan dan keupayaan bayaran balik hutang tersebut. Untuk

rekod, sehingga 30 September 2020, jumlah jaminan Kerajaan adalah sebanyak RM289.8 bilion atau 20.1% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Julai 2019 telah bersetuju bahawa Kerajaan Negeri tidak boleh membuat pinjaman yang melibatkan jaminan Kerajaan tanpa mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu bagi mengelakkan bebanan hutang ke atas kedudukan kewangan Kerajaan. Sebarang kelulusan terhadap pinjaman baharu yang melibatkan jaminan Kerajaan hendaklah dipastikan tidak menjadikan jumlah hutang Kerajaan melebihi had siling statutori yang ditetapkan.

Sebagai makluman, Kementerian Kewangan (MOF) telah menerima surat daripada Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank - ADB) bertarikh 25 Januari 2019 mengenai permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berhasrat untuk mendapatkan pinjaman ADB bagi membiayai projek transit aliran ringan (Light Rail Transit - LRT) Pulau Pinang.

Selaras dengan semakan unjuran hasil dan pendapatan negara pada masa ini serta tumpuan Kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara susulan penularan wabak COVID-19, MOF telah memutuskan untuk tidak meneruskan pinjaman ADB berjumlah USD500 juta atau RM2 bilion bagi membiayai projek LRT Pulau Pinang yang bernilai RM9.5 bilion.

Pinjaman ADB untuk membiayai projek LRT Pulau Pinang sekiranya diteruskan akan menambah komitmen kewangan Belanja Mengurus (OE) dan Belanja Pembangunan (DE) Kerajaan selain daripada projek-projek off budget yang turut ditanggung oleh Kerajaan seperti MRT Line 1 dan 2 (RM71 bilion), LRT3 (RM17.7 bilion), Lebuhraya Pan Borneo Sarawak (RM13 bilion) dan Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) (RM48.85 bilion).

Berdasarkan Kertas ADB mengenai “Diversification of ADB Financing Terms for Regular Ordinary Capital Resources (OCR) Sovereign Lending Operations under Strategy 2030”, pinjaman Kerajaan Malaysia dengan

ADB akan dikenakan dengan kadar dan kos pembiayaan yang lebih tinggi. Ini adalah kerana ADB meletakkan Malaysia di bawah kategori C3 (upper middle income) yang mempunyai maturity premium yang lebih tinggi, dengan spread di antara 0 - 50 basis points (bps) berbanding dengan 0 - 20 bps sebelum ini.

Di samping itu, tiada keperluan mendesak untuk Kerajaan mendapatkan pinjaman mata wang asing. Ini adalah kerana risiko kerugian pertukaran mata wang asing (FOREX) juga perlu ditanggung oleh Kerajaan sekiranya pinjaman dibuat dalam mata wang selain Ringgit Malaysia (MYR). Strategi pengurusan hutang negara adalah untuk membangunkan pasaran modal domestik dan mengurangkan risiko volatiliti dalam FOREX agar kedudukan hutang negara tidak terkesan apabila berlaku ketidakpastian luaran dan krisis kewangan global. Oleh itu, Kerajaan perlu meminimumkan pinjaman dalam mata wang asing, terutamanya dalam bentuk kadar pinjaman terapung.

Pinjaman projek LRT Pulau Pinang dengan ADB, merupakan pinjaman multilateral yang perlu dipohon peruntukan di bawah perbelanjaan pembangunan (DE). Sekiranya Kerajaan bersetuju dengan sumber pinjaman daripada ADB, peruntukan perlu disediakan di dalam belanjawan tahunan dan Rolling Plan, Rancangan Malaysia. Dalam hal ini, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu meneliti semula projek yang perlu diberi keutamaan. Projek keutamaan tersebut hendaklah dikemukakan untuk penelitian lanjut Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dipertimbangkan di bawah Rolling Plan, Rancangan Malaysia yang akan datang.

Sekian, terima kasih.